



Bangunan rumah kedai yang memerlukan pemeliharaan dan perlu dikekalkan sebagai bangunan warisan



Bangunan Sultan Abu Bakar yang merupakan Pejabat Daerah dan Tanah Muar yang perlu dikekalkan



Deretan rumah kedai yang mempunyai nilai-nilai sejarah



Bangunan Chiang Chuan Associates di Jalan Ali, Bandar Maharani



Bangunan rumah kedai lama yang mempunyai nilai warisan yang perlu dibaikpulih



Bangunan Kasatm Dan Eksais Di Raja




Bangunan Jabatan Kerja Raya, Muar



Bangunan Mahkamah Tinggi, Muar



Sekolah Tinggi Muar



Masjid Sultan Ibrahim mempunyai nilai-nilai warisan dan sejarah



Dengan Skala

#### Diantara bangunan di pusat Bandar Muar yang perlu dikekalkan dan dipelihara:

- A** Bangunan Kastam dan Eksais Di Raja
- B** Bangunan Majlis Perbandaran Muar
- C** Bangunan Sultan Abu Bakar
- D** Masjid Sultan Ibrahim
- E** Sekolah Tinggi Muar
- F** Bangunan Mahkamah Tinggi
- G** Bangunan Chiang Chuan

#### Petunjuk:

#### Diantara kawasan-kawasan di pusat Bandar Muar yang perlu dikekalkan dan dipelihara:

- Deretan Rumah Kedai Jalan Maharani
- Deretan Rumah Kedai Jalan Abdullah
- Deretan Rumah Kedai Jalan Mariam
- Deretan Rumah Kedai Jalan Ali
- Deretan Rumah Kedai Jalan Bakri
- Deretan Rumah Kedai Jalan Yahya
- Deretan Rumah Kedai Jalan Hj. Abu
- Deretan Rumah Kedai Jalan Sayang
- Deretan Rumah Kedai Jalan Sisi
- Deretan Rumah Kedai Jalan Sulaiman

Sumber rujukan: Kajian Bersejarah Kempenan Daerah Muar 2002

## CONTOH PELAN BAGI KAJIAN REKABENTUK BANDAR

## 6.2.4 Kajian Kawasan Lapang dan Kemudahan Rekreasi

Data	Analisis	Output
<p>Kawasan lapang dan kemudahan rekreasi sama ada mengikut Blok Perancangan (BP) atau bandar/pekan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>· Keadaan Semasa.</li> <li>· Projek-Projek Yang Ditetapkan.</li> <li>· Senarai Kawasan Rekreasi Yang Telah / Belum Diwartakan.</li> <li>· Keadaan Landskap Semasa Mengikut Guna Tanah)</li> <li>· Projek-Projek Yang Ditetapkan Dan Dirancang.</li> <li>· Jenis Landskap Kejur Dan Lembut.</li> <li>· Landskap Jaringan Kehijauan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Hierarki</li> <li>· Bilangan</li> <li>· Lokasi</li> <li>· Keluasan</li> <li>· Taburan kawasan lapang dan rekreasi</li> <li>· Permintaan berbanding panawaran</li> <li>· Kesesuaian perletakan</li> <li>· Unjuran keperluan rekreasi</li> <li>· Kesesuaian landskap mengikut fungsi</li> </ul> <p>Analisis keseluruhan perlu merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>· Isu Dan masalah, potensi dan halangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Pelan taburan kawasan sedia ada</li> <li>· Unjuran keperluan rekreasi</li> <li>· Unjuran kawasan lapang</li> <li>· Cadangan rekreasi baru</li> <li>· Cadangan pembaikan / pemeliharaan</li> <li>· Cadangan pewartaan kawasan rekreasi yang sesuai</li> </ul> <p>Projek landskap semasa mengikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Blok Perancangan</li> <li>- Bandar/Pekan</li> <li>· Pelan cadangan landskap keseluruhan</li> <li>· Cadangan peningkatan landskap kawasan Bandar/pekan</li> <li>· Pelan cadangan landskap dan rekreasi</li> <li>· Cadangan kawasan tindakan mengikut keutamaan</li> <li>· Cadangan garis panduan kawasan rekreasi dan kawasan lapang</li> </ul>

Jadual : Kajian Kawasan Lapang dan Kemudahan Rekreasi

## 6.2.5


Kajian Demografi penduduk

Data	Analisis	Output
<p>Bilangan dan struktur penduduk mengikut umur secara keseluruhan atau mengikut Blok Perancangan (BP).</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Taburan dan kepadatan penduduk semasa.</li> <li>· Tren perubahan penduduk hasil pertumbuhan semula jadi dan migrasi bagi seluruh daerah dalam sesuatu tempoh.</li> <li>· Faktor-faktor yang akan mempengaruhi perubahan penduduk dan pekerjaan dalam jangka masa perancangan contohnya :               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dasar-dasar kerajaan</li> <li>- Pembangunan komited</li> <li>- Pembangunan sekeliling</li> </ul> </li> <li>· Unjuran jumlah penduduk daerah mengikut tempoh setiap 10 tahun bagi tempoh perancangan mengikut umur.</li> <li>· Kemudahan rekreasi mengikut peringkat umur.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Jadual dan rajah jumlah suatu profil penduduk semasa mengikut Bandar utama dan blok perancangan</li> <li>· Jadual dan rajah jumlah dan profil penduduk berdasarkan tempoh setiap 10 tahun bagi tempoh perancangan mengikut umur.</li> <li>· Taburan dan kepadatan penduduk bagi keperluan kawasan lapang di sesuatu kawasan atau blok perancangan.</li> </ul>

Jadual : Kajian Demografi penduduk

## Analisis Alam Sekitar

Kawasan kajian mempunyai kualiti udara dibawah tahap pencemaran. Kualiti air Sungai Muar dikategorikan sebagai sederhana tercemar. Pencemaran terjadi akibat dari hakisan tanah dan juga pelepasan bahan organik, air kumbahan domestik dan juga aktiviti penternakan.



Dengan Skala

**CONTOH PELAN BAGI KAJIAN ALAM SEKITAR DAN PENGURUSAN SUMBER SEMULAJADI DI KAWASAN KAJIAN**

## 6.2.6 Kajian Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Landskap Semulajadi

Data	Analisis	Output
<p>Kualiti Alam Sekitar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>· Kualiti Udara</li> <li>· Kualiti Air</li> <li>· Kawasan hakisan tanah dan pantai</li> <li>· Tahap bunyi bising</li> <li>· Kawasan masalah bau</li> <li>· Kawasan kerosakan pemandangan</li> <li>· Kawasan pencemaran sisa-sisa pepejal dan toksik</li> <li>· Kualiti pemandangan</li> </ul> <p>Iklm dan cuaca</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>· Hujan, suhu dan kelembapan</li> <li>· Tiupan angin</li> <li>· Jenis-jenis musim</li> </ul> <p>Kekerapan banjir</p> <p>Kawasan Pemuliharaan Landskap (KPL)</p> <p>KPL berisiko bencana seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tanah tinggi dan bercerun curam</li> <li>- Kawasan persisiran pantai</li> <li>- Kawasan bekas lombong</li> <li>- Kawasan hakisan tanah</li> </ul> <p>KPL yang berkepentingan sebagai sistem sokongan hidup</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan tadahan air</li> <li>- Kawasan sungai dan air bawah tanah</li> <li>- Kawasan hutan</li> </ul>	<p>Mengenal pasti isu-isu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan-kawasan mengalami pencemaran</li> <li>- Tahap pencemaran</li> <li>- Punca pencemarannya</li> </ul> <p>Mengenalpasti isu-isu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perletakan KPL</li> <li>- Kepentingan KPL</li> <li>- Ancaman dan masalah yang dihadapi oleh KPL</li> <li>· Isu dan masalah, potensi dan halangan berkaitan dengan KPL</li> <li>· Analisis Kawasan Pemuliharaan Landskap (KPL)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Pelan kawasan bermasalah alam sekitar</li> <li>· Cadangan awal untuk tindakan-tindakan membaiki keadaan alam sekitar di kawasan bermasalah supaya mencapai tahap kualiti alam sekitar yang disasarkan.</li> <li>· Cadangan pelan dan tindakan KPL yang memerlukan usaha-usaha seperti : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengekalan</li> <li>- Pemeliharaan</li> <li>- Pemuliharaan</li> </ul> </li> </ul>

Jadual : Kajian Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Landskap Semulajadi

Bagi menyokong setiap maklumat isu dan masalah serta potensi kawasan kajian, pelan analisis perlu disertakan bagi menggambarkan keadaan semasa di kawasan kajian dengan lebih terperinci. Laporan Teknikal ini perlu dikemukakan dalam tempoh enam(6) bulan selepas Laporan Awal.



## 6.3

# Laporan Konsep

Peringkat ketiga di dalam penyediaan Kajian Pelan Induk Landskap (PIL) ialah penyediaan Laporan Konsep. Laporan ini perlu mengemukakan konsep pembangunan landskap secara kasar bagi keseluruhan kawasan kajian dan kawasan-kawasan tindakan utama yang dicadangkan. Ia juga perlu menyertakan pelan - pelan konsep pembangunan bagi kawasan yang telah dikenalpasti.

Selain itu, laporan ini juga dilengkapi dengan pembentukan wawasan, dasar misi dan visi PBT di dalam melaksanakan pembangunan landskap. Laporan konsep ini perlu disediakan dalam tempoh satu (1) bulan selepas penyediaan laporan Teknikal

## 6.4

# Draf Laporan Pelan Induk Landskap

Draf Laporan Akhir akan menterjemahkan cadangan konsep pembangunan landskap yang dilaksanakan di kawasan cadangan dengan lebih terperinci. Peringkat ini merupakan pra-laporan akhir yang melalui proses perbincangan di dalam memperhalusi setiap kenyataan yang dicadangkan.

Draf Laporan Akhir juga akan mengetengahkan pelan cadangan konsep bagi mendapatkan gambaran secara langsung perancangan pembangunan landskap di kawasan kajian. Tempoh penyediaan Draf Laporan Akhir ini ialah enam (6) bulan selepas penyediaan Laporan Konsep.



## 6.5

# Laporan Akhir Pelan Induk Landskap

Laporan ini perlulah mengemukakan perkara-perkara yang telah disebutkan dalam hasil kajian Pelan Induk Landskap di bawah perkara 5.3. Ia termasuklah pelan-pelan landskap dan lukisan-lukisan terperinci beserta keterangan-keterangan yang berkaitan termasuk anggaran kos bagi keseluruhan kawasan kajian kawasan tindakan utama yang telah dikenalpasti. Ia perlu diserahkan dalam tempoh 4 bulan selepas percetakan akhir.



## 6.6

# Penyerahan Laporan

Penyediaan laporan hendaklah mengikut 5 peringkat iaitu peringkat Laporan Awal, Laporan Teknikal, Laporan Konsep, Draf Laporan Akhir dan Laporan Akhir. Ia ditunjukkan secara terperinci seperti di dalam jadual di bawah.

Pada setiap peringkat, laporan yang diserahkan kepada Jabatan landskap Negara tidak boleh dikembalikan dan menjadi hakmilik Jabatan Landskap Negara. Penyediaan laporan hendaklah mengikut peringkat-peringkat seperti berikut :-



Bil	Laporan	Peringkat	Tempoh Penyediaan	Bilangan laporan	Saiz	Serahan
1	Laporan Awal	Draf	1 bulan selepas pelawaan perunding	5	A3	JLN PBT
		Kelulusan		15	A3	Jawatankuasa Teknikal
		Penyerahan		10	A3	Jawatankuasa Penyelaras Teknikal
2	Laporan Teknikal	Draf Pertama	6 bulan selepas Laporan Awal	5	A3	1. JLN 2. PBT
		Draf Kedua		15	A3	Jawatankuasa Teknikal
		Kelulusan dan Penyerahan		10	A3	Jawatankuasa Penyelaras Teknikal
3	Laporan Konsep	Draf Pertama	1 bulan selepas Laporan Teknikal	5	A3	1. JLN 2. PBT
		Draf Kedua		15	A3	Jawatankuasa Teknikal
		Kelulusan dan Penyerahan		15	A3	Jawatankuasa Penyelaras Teknikal dan Majlis Penuh
4	Laporan Draf Akhir	Draf Pertama	6 bulan selepas Laporan Konsep	5	A3	1. JLN 2. PBT
		Draf Kedua		15	A3	Jawatankuasa Teknikal
5	Laporan Akhir	Draf Pertama	4 bulan selepas kelulusan Draf	5	A3	1. JLN 2. PBT
		Bengkel Semakan Akhir		10	A3	Jawatankuasa Teknikal
		Draf Kedua		5	A3	1. JLN 2. PBT
		Kelulusan		15	A3	Jawatankuasa Teknikal
		Penyerahan Selepas Percetakan Akhir		50	A3	Jawatankuasa Penyelaras Teknikal dan Majlis Penuh
6	Laporan Ringkasan Eksekutif	Penyerahan	Selepas Kelulusan	10		JLN PBT
7	CD Rom	Penyerahan	Selepas kelulusan	5		
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>215</b>		

Jadual : Peringkat tempoh penyerahan Pelan Induk Landskap



## 6.7 Pelan

Laporan-laporan yang dikemukakan perlulah disokong oleh pelan, gambar rajah, lukisan dan lakaran yang berkaitan. Pelan kawasan kajian hendaklah mempunyai skala yang bersesuaian iaitu 1:500 atau 1:200 bagi pelan landskap terperinci. Di samping itu, ia juga hendaklah disertai dengan lakaran dan lukisan yang terperinci. Bagi Draf Laporan Akhir Pelan Induk Landskap semua pelan dan lakaran hendaklah berwarna.

### 6.7.1 Penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS)

Pelan-pelan utama dibuat dalam bentuk digital seperti pengaplikasian Sistem Maklumat Geografi (GIS).

<b>Proses Penyediaan Pelan Induk Landskap Dan Penggunaan GIS</b>	Dalam proses penyediaan Pelan Induk Landskap (PIL), GIS digunakan untuk menyimpan maklumat-maklumat penganalisis maklumat seterusnya persembahan data untuk laporan dan taklimat.
<b>Peta Digital Dan Model Pangkalan Data</b>	Asas penggunaan GIS dalam penyediaan PIL dimulakan dengan penyediaan Peta Asas digital yang diasaskan daripada peta Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Bagi tujuan ini Peta Asas digital perlu diperolehi dari JUPEM atau disediakan sebelum sesuatu PIL dimulakan. Lapisan peta asas ini seterusnya dijadikan panduan bagi penyediaan lapisan yang mengandungi data yang data yang lain. Senarai lapisan data dan maklumat yang terkandung bagi setiap data serta model pangkalan data perlu disediakan.
<b>Keperluan Analisis GIS</b>	Perunding disyorkan menggunakan teknik-teknik analisis yang bersesuaian dengan pembangunan landskap dari segi lokasi guna tanah utama mengikut kriteria-kriteria tertentu. Teknik-teknik GIS seperti analisis penentuan kesesuaian tanah, pengenalpastian kawasan lapang dan yang berpotensi adalah digalakkan. Penggunaan imej-imej 'remote sensing' juga digalakkan dalam membantu membuat analisis.
<b>Pemilihan Perisian GIS</b>	Perisian GIS yang digunakan semasa penyediaan Pelan Induk Landskap hendaklah mengikut kesesuaian dengan sistem yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pemilihannya hendaklah berdasarkan perisian semasa yang digunakan oleh sesebuah pihak berkuasa atau kemampuan mereka untuk mengendalikan sistem maklumat yang dipilih serta belanjawan yang diperuntukkan. Contoh Perisian yang boleh diaplikasikan adalah seperti <b>Map Info, Arc GIS, Arc View</b> dan sebagainya.

### 6.7.2 Pelan Cadangan Keseluruhan

Pihak perunding perlu menyediakan pelan asas berukuran A1 yang menunjukkan cadangan landskap keseluruhan sebagai pelan rujukan selain daripada pelan-pelan yang disediakan bersama laporan.

### 6.7.3 Lakaran-lakaran dan gambar

Setiap lakaran yang dibuat bagi menyokong kenyataan bertulis dan pelan hendaklah asli dan berasaskan kawasan kajian. Begitu juga gambar yang diambil hendaklah gambar semasa di kawasan kajian.



## 6.8 Penggunaan Bahasa

Semua laporan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu manakala Ringkasan Eksekutif perlu disediakan di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

## 6.9 Unit Ukuran


Unit metrik hendaklah digunakan di dalam semua pelan dan laporan.

## 6.10 Peralatan

Peralatan komputer dan perkakas sokongan perlu diadakan bagi tujuan penyediaan kajian. Analisis perlu dibuat dalam perisian komputer yang sesuai dalam bidang kajian dan output yang diperlukan. Perisian yang mengandungi maklumat dan pelan digital yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pihak Jabatan Landskap Negara.



## MODEL PANGKALAN DATA PELAN INDUK LANDSKAP



Contoh Model Pangkalan Data Bagi Kajian Pelan Induk Landskap

# Contoh : Pelan Induk Landskap Keseluruhan





## 6.11

### Lawatan Teknikal

Lawatan Teknikal perlu diadakan bersama perunding, majlis dan Jabatan Landskap Negara bagi memastikan semua aspek serta isu / masalah dapat dikenalpasti di tapak bagi mendapatkan maklumat terkini kawasan kajian. Terdapat 2 lawatan iaitu lawatan ke tapak kajian dan lawatan teknikal ke kawasan rujukan terpilih. Dalam keadaan tertentu kajian perbandingan dengan bandar maju di luar negara boleh diadakan untuk tujuan pembelajaran dan rujukan dengan syarat mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan (Pekeliling 1999).



## 6.12

### Bengkel

Bengkel hendaklah diadakan jika difikirkan perlu tertakluk kepada keperluan Pihak Berkuasa Tempatan.



## 6.13

### Publisiti

Sesuai dengan keperluan Local Agenda 21, publisiti hendaklah dibuat khususnya kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan professional tertentu untuk maklumbalas terhadap Laporan Akhir sebelum dimuktamadkan. Publisiti juga dibuat selepas Laporan Akhir dimuktamadkan dengan meuar-uarkannya ke dalam laman web JLN dan PBT di samping mengadakan seranta awam di peringkat PBT dan Pihak Berkuasa Negeri.

# 7.0

## Dokumen Kajian Pelan Induk Landskap

Dokumen kajian Pelan Induk Landskap (PIL) yang disediakan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :

- Maklumat-maklumat Asas Kawasan
- Ciri-ciri fizikal
- Ciri-ciri sosio budaya
- Ciri-ciri landskap
- Analisis isu dan potensi
- Sintesis
- Konsep
- Cadangan perancangan landskap keseluruhan kawasan kajian
- Pelan tindakan pembangunan
- Prosedur kawalan pembangunan dan garis panduan pembangunan
- Keperluan landskap di kawasan kajian
- Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap
- Organisasi







## 7.2

### Ciri-ciri Fizikal

Bahagian ini perlu menjelaskan maklumat-maklumat fizikal dan keadaan persekitaran kawasan secara terperinci. Ini termasuklah maklumat-maklumat berkaitan dengan cuaca, topografi, tanah, badan saliran, flora, fauna dan bentuk asal kawasan. Ia perlu juga menyatakan aset-aset fizikal sedia ada yang signifikan samada ia merupakan aset atau halangan yang terdapat di kawasan kajian.

## 7.3

### Ciri-ciri Sosio Budaya

Ciri-ciri sosio budaya menekankan maklumat penduduk di kawasan kajian tentang kumpulan kaum, umur, pekerjaan, sejarah, tradisi budaya dan kepercayaan khusus mengikut kawasan. Selain daripada itu, unjuran jumlah penduduk mengikut umur dalam tempoh perancangan dibuat bagi menentukan hirarki dan jumlah kawasan rekreasi yang diperlukan.



Maklumat kawasan kajian hendaklah merangkumi maklumat geografi, sempadan kawasan kawalan PBT dan kawasan pentadbiran.

